



KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

MAKLUMAT YANG KENA BERI (MYKB)

CAWANGAN NAZIRAN
PEJABAT PESURUHJAYA SUKAN MALAYSIA
(5 JULAI 2025)



APA ITU MYKB?

(MAKLUMAT YANG KENA BERI)



Suatu laporan atau set dokumen yang mengandungi maklumat-maklumat berkaitan suatu badan sukan



12. (1) Pesuruhjaya boleh mengarahkan mana-mana orang supaya mendedahkan apa-apa maklumat kepadanya dan mengemukakan apa-apa laporan dan dokumen dalam pengetahuannya atau dalam miliknya sebagaimana yang difikirkannya perlu bagi maksud penjalanan mana-mana kuasa dan fungsi Pesuruhjaya di bawah Akta ini dan dia boleh selanjutnya mengarahkan mana-mana orang yang difikirkannya perlu supaya hadir di hadapannya untuk membolehkannya menjalankan kuasa dan fungsinya di bawah Akta ini.



Pekeliling Pesuruhjaya Sukan Bil. 2 Tahun 2021

Laporan MYKB perlu dikemukakan kepada Pesuruhjaya dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas AGM/EGM

Syarat Pesuruhjaya

1998

1. KELULUSAN PENDAFTARAN

Kelulusan ini diberi berdasarkan maklumat-maklumat yang telah dikemukakan oleh pihak badan sukan.

2. PENGGANTUNGAN DAN PEMBATALAN

Pesuruhjaya Sukan boleh membatalkan atau menggantung pendaftaran badan sukan jika Pesuruhjaya Sukan berpuas hati bahawa badan sukan telah melakukan perkara di bawah perenggan (a), (b), (c), (d), (e), (f) dan (g) subseksyen (1) seksyen 20, Akta Pembangunan Sukan 1997.

3. MAKLUMAT YANG KENA DIBERI

Tiap-tiap badan sukan hendaklah menghantarkan kepada Pesuruhjaya sukan dalam masa 28 hari selepas mengadakan Mesyuarat Agung tahunannya:

- i) Suatu salinan yang benar dan lengkap bagi apa-apa pindaan kepada perlembagaan atau peraturan badan sukan itu semenjak tarikh pendaftaran atau semenjak tarikh penyata yang akhir;
- ii) Suatu senarai yang benar dan lengkap mengenai pemegang-pemegang jawatan;
- iii) Alamat badan sukan itu atau alamat urusan badan sukan itu;
- iv) Kira-kira bagi tahun kewangan yang akhir bagi badan sukan itu, bersama dengan suatu kunci kira-kira menunjukkan kedudukan kewangan pada penghujung tahun kewangan yang akhir bagi badan sukan itu yang telah sempurna diaudit;
- v) Apa-apa lain maklumat sebagaimana yang dikehendaki oleh Pesuruhjaya Sukan dari semasa ke semasa.

4. HAK KERAJAAN

Kerajaan berhak mendapatkan Sijil Pendaftaran ini apabila pendaftaran badan sukan digantung atau dibatalkan.

5. SYARAT-SYARAT LAIN

2021

Lampiran

Syarat-Syarat Pendaftaran

1. Jawatankuasa Penaja hendaklah mengadakan Mesyuarat Agung Pertama bagi memilih Ahli Jawatankuasa dalam tempoh setahun daripada tarikh kelulusan pendaftaran;
2. Mentadbir dan mengurus badan sukan ini mengikut Perlembagaan badan sukan yang telah diluluskan;
3. Mematuhi peruntukan undang-undang di bawah Akta Pembangunan Sukan 1997 dan Peraturan-Peraturan Pembangunan Sukan di bawah Akta Pembangunan Sukan 1997 yang sedang berkuat kuasa;
4. Mengemukakan Maklumat Yang Kena Beri (MYKB) kepada Pesuruhjaya Sukan Malaysia dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas suatu mesyuarat agung selesai diadakan;
5. Memastikan aktiviti-aktiviti dijalankan tanpa ada diskriminasi tentang jantina, ras, warna kulit, agama, asal usul, bahasa, kecenderungan politik, atau apa-apa pandangan lain yang dipegang oleh anggotanya;
6. Memastikan badan sukan tidak terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam apa-apa yang bercanggah dengan undang-undang yang berkuat kuasa; dan
7. Syarat-syarat lain:



MAKLUMAT YANG PERLU DIKEMUKAKAN

01

Borang MYKB 1 Minit Mesyuarat Jawatankuasa
Borang MYKB 2 Penetapan AGM/EGM

02

Minit Mesyuarat Jawatankuasa
Penetapan AGM/EGM

03

Notis Mesyuarat Agung AGM/EGM

04

Minit Mesyuarat Agung AGM/EGM

05

Laporan Penyata
Kewangan

06

Laporan Aktiviti
Tahunan

07

Senarai Ahli
Jawatankuasa
Terkini

08

Senarai Ahli
Gabungan/
Keahlian Terkini



www.erosa.kbs.gov.my

www.erosa.kbs.gov.my/ks_user/login.php

The screenshot shows the login page for the eROSA system. At the top, there's a banner featuring various sports balls (soccer, basketball, tennis, baseball, etc.) and silhouettes of people playing sports against a yellow background. The main title "eROSA" is prominently displayed in large, bold, orange letters, with "SISTEM PENGURUSAN BADAN SUKAN" in smaller text below it. The KBS logo is integrated into the "eROSA" text. Below the banner, there's a navigation bar with links: "Log Masuk" (Login), "Daftar Pengguna" (Register User), "Carian" (Search), and "Panduan Pengguna" (User Guide). The main content area is divided into two sections: "Pengumuman" (Announcement) on the left and "Log Masuk" (Login) on the right. The "Pengumuman" section contains text about password security and a list of rules for new passwords. The "Log Masuk" section has fields for "No Kad Pengenalan" (Identification Card Number) and "Captcha". A "Kod" (Code) input field is also present. At the bottom of the page, there are "Log Masuk" and "Set Semula" (Reset) buttons, along with links for "Lupa katalaluan?" (Forgot Password?) and "Daftar Pengguna" (Register User). The footer contains the copyright notice "© 2025 eRosa." and the "MALAYSIA MADANI" slogan.

© 2025 eRosa.

eROSA
SISTEM PENGURUSAN BADAN SUKAN

Log Masuk | Daftar Pengguna | Carian | Panduan Pengguna

Pengumuman

Sebagai mematuhi Dasar Keselamatan ICT Versi 7.1 Kementerian Belia dan Sukan untuk langkah pencegahan keselamatan serangan siber, semua pengguna eROSA diminta untuk menukar kata laluan akaun pengguna masing-masing.

Pengguna boleh menukar kata laluan baharu menggunakan pautan Lupa Kata Laluan di Skrin Log Masuk eROSA berdasarkan ketetapan Dasar Keselamatan ICT dengan menepati semua kriteria berikut:

- Sekurang-kurangnya 12 aksara.
- Mengandungi kombinasi huruf besar, huruf kecil, nombor dan aksara khas (cth: @ &).

Jika anda memerlukan bantuan atau mempunyai sebarang pertanyaan, sila lihat Panduan Pengguna atau hubungi meja bantuan kami melalui saluran berikut:

i) Telefon: 03-8994 4800|03-8999 7977|03-8994 4805|03-8994 7973|03-8999 7972|03-8994 4803

Log Masuk

No Kad Pengenalan : No Kad Pengenalan

Captcha :

Kod:

Log Masuk | **Set Semula**

Lupa katalaluan? | Daftar Pengguna



TINDAKAN JIKA GAGAL MENGEMUKAKAN LAPORAN MYKB



- Berdasarkan seksyen 18(1)(b) Akta 576, apabila mendaftarkan sesuatu badan sukan, Pesuruhjaya boleh mengenakan apa-apa syarat yang difikirkan patut ke atas badan sukan.
- Penghantaran Laporan MYKB adalah antara syarat yang dikenakan kepada setiap badan sukan.
- Kegagalan mematuhi syarat-syarat pendaftaran boleh menyebabkan suatu badan sukan dikenakan tindakan **PENGGANTUNGAN** di bawah seksyen 20(1A)(a) tidak mematuhi apa-apa syarat yang dikenakan oleh Pesuruhjaya di bawah seksyen 18 Akta 576.



IMPLIKASI JIKA MENGEMUKAKAN MAKLUMAT PALSU

Seksyen 12 (2) (a) (b) (c), Akta Pembangunan Sukan 1997 menyatakan mana-mana orang yang :

- (a) Tidak mematuhi arahan Pesuruhjaya di bawah Subseksyen (1);
- (b) Mendedahkan apa-apa maklumat yang diketahuinya adalah palsu; atau
- (c) Mengemukakan suatu laporan atau dokumen yang diketahuinya adalah palsu,

“ Adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.”



Terima Kasih





HUBUNGI:

- En. Hasli Izwan bin Amir Hasan - KEBANGSAAN**
- 03-89997959 haslizwan@kbs.gov.my
- Pn. I'diyatun Nur Binti Rosli - KUL / JHR**
- 03-89997979 iidyatun@kbs.gov.my
- En. Azizi bin Yahaman - SGR / PTJ / PLS / LBN**
- 03-89997969 azizi@kbs.gov.my
- En. Naqiuddeen bin Esa - PRK / MLK / KTN / TRG**
- 03-89997976 naqiuddeen@kbs.gov.my
- En. Azri bin Abdul Rahim - PNG / KDH / PHG / NSN**
- 03-89997970 azrirahim@kbs.gov.my

UNIT MYKB